

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72

nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1576



Naib Canselor UiTM Berambéh Bersama Warga UiTM Sarawak

info kampus

72nd ISSUE

5

Oleh: Mohammad Abang



Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said meluangkan masa untuk 'berambéh' bersama warga UiTM Sarawak sempena lawatan beliau ke kampus UiTM Sarawak baru-baru ini. Ini merupakan lawatan pertama beliau ke UiTM Sarawak semenjak dilantik sebagai Naib Canselor baharu UiTM pada Februari lalu.

Beliau sempat beramah mesra dengan kakitangan dan pelajar sebelum menghadiri Majlis Pelancaran Sistem Alumni UiTM Sarawak yang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato Seri Idris Jusoh. Sebelum itu, beliau turut mengadakan pertemuan dengan pihak pengurusan kanan serta Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Sarawak. Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali dalam ucapannya mewakili seluruh warga UiTM Sarawak mengucapkan tahniah dan syabas kepada Profesor Emeritus Dato Dr. Hassan Said kerana dipilih untuk menerajui sebuah universiti yang sangat istimewa, UiTM.

"Kami semua percaya dengan pengalaman beliau yang pernah menerajui beberapa universiti awam dan swasta sebelum ini, beliau mampu melonjakkan UiTM di persada global," katanya. Beliau juga berbesar hati kerana kampus Sarawak menjadi di antara kampus cawangan pertama yang menjadi lokasi lawatan beliau sebaik sahaja dilantik sebagai Naib Canselor.

UiTM Sarawak Lancar Sistem Alumni UiTM Sarawak

Oleh: Mohammad Abang

UiTM Sarawak mencatat satu lagi sejarah tersendiri apabila melancarkan Sistem Alumni UiTM Sarawak. Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato Seri Idris Jusoh, sempena program Berambéh Bersama Warga UiTM Sarawak yang diadakan di Dewan Jubli baru-baru ini.

Sistem alumni tersebut dilihat memudahkan pihak UiTM Sarawak untuk berinteraksi dengan semua alumni yang berada di serata dunia dengan menyebarkan maklumat berkaitan dan sebagainya. Pada masa yang sama, sistem alumni tersebut juga memudahkan setiap alumni untuk berhubung serta berinteraksi dengan pihak universiti apabila mereka ingin menyalurkan sumbangan, idea, saranan dan sebagainya.

Pelancaran sistem alumni UiTM Sarawak juga bertepatan dengan saranan Menteri Pendidikan Tinggi yang dalam ucapannya menggalakkan alumni UiTM untuk bergerak aktif untuk menjadikan lebih 600,000 orang alumni mampu menjana pendapatan. Beliau mahu semangat 'memberi balik' (*spirit of giving back*) disuburkan di dalam jiwa alumni supaya setiap keringat yang pernah dicurahkan kepada alumni ini dapat dinikmati pula oleh orang lain, terutama anak-anak mereka.

Hadir sama pada majlis tersebut adalah Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Mary Yap Kain Ching, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, YBhg Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Datuk Profesor Dr. Rujhan Mustafa, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Ir. Dr. Haji Suhaimi Abdul Talib, Rektor UiTM Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali, pengurusan kanan serta kakitangan UiTM Sarawak.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my